

MAHATHIR-SEMANGAT

KUCHING, 11 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN PENTINGNYA SEMANGAT PERJUANGAN TULEN SERTA USAHA GIGIH DAN KERJASAMA SEMUA KAUM UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA SEMANGAT DAN SIKAP POSITIF SEDEMIKIAN SERTA AMALAN NILAI MULIA DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN SESUATU BANGSA DAN KUMPULAN SERTA SELURUH RAKYAT.

KATANYA SEMANGAT PENGORBANAN DAN TOLAK ASNSUR JUGA AMAT PERLU DALAM MASYARAKAT MAJMUK KERANA SESUATU KAUM ATAU PARTI TIDAK DAPAT MENGENEPIKAN KEPENTINGAN KAUM LAIN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT MEREKA TANPA MEMBAWA KESAN BURUK.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN PADA MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT BARU PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) DI JALAN SATOK DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BANGUNAN YANG INDAH SEPERTI IBU PEJABAT BARU PBB TIDAK BERMAKNA TANPA SEMANGAT PERJUANGAN YANG TULEN KERANA IA TIDAK DAPAT MENJAMINKAN KEJAYAAN PERJUANGAN, KHASNYA DALAM BIDANG POLITIK YANG KADANGKALA DICAP SEBAGAI KOTOR.

+POLITIK HANYA KOTOR SEKIRANYA IA DIGUNAKAN UNTUK MENCAPAI CITA-CITA PERIBADI DENGAN MENGENEPIKAN KEUTAMAAN SERTA KEBAJIKAN NEGARA DAN RAKYAT,+ KATANYA. -- LAGI.

1229MST 11 04 86

U B554 DEB

MAHATHIR-SEMANGAT 2 KUCHING

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT KEJAYAAN PBB YANG SEKARANG MENJADI PARTI UTAMA NEGERI SARAWAK YANG DICANTUMKAN DARIPADA TIGA PARTI -- PANAS, BARJASA DAN PESAKA BERPUNCA DARIPADA SEMANGAT KERJASAMA DAN PERJUANGAN GIGIH PARA PENGASAS SERTA ANGGOTA-ANGGOTANYA.

SEBELUM ITU KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENGIBARAKAN KEJAYAAN PBB SEBAGAI PARTI UTAMA NEGERI ITU SEJAK PENUBUHANNYA 25 TAHUN LEPAS ATAS SIKAP +BUANG YANG KERUH DAN AMBIL YANG JERNIH+ DALAM MENGHARUNGI SEJARAH PAHIT MANIS.

+SAYA IBARATKAN SEJARAH AMALAN PARTI PBB SAMA SEPERTI PARTI UMNO YANG MENJADI PARTI UTAMA NEGERA SEKARANG DENGAN MENGAMALKAN SIKAP POSITIF SERTA SEMANGAT PERJUANGAN TULEN UNTUK PARTI,+ KATANYA.

DATUK PATINGGI TAIB BERKATA SELAIN ITU, PBB JUGA MENGAMALKAN SIKAP TOLAK ANSUR SERTA SALING PERCAYA MEMPERCAYAI RAKAN KOMPONEN BN SEPERTI PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP), PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP) DAN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS).

BELIAU BERKATA BANGUNAN IBU PEJABAT PARTI BERTAMBAH \$1.5 JUTA ITU BUKAN SAHAJA DAPAT MEMPERINGATI JASA PERJUANGAN PARA PENGASAS DAN TOKOH LAMA PARTI TETAPI JUGA MENCERMINKAN SEMANGAT PENGORBANAN GENERASI MUDA YANG ADA SEKARANG. -- LAGI.

1233MST 11 04 86

U B555 DEB

MAHATHIR-SEMANGAT 3 KUCHING

KATANYA TAPAK BANGUNAN INI SELUAS 0.5 HEKTAR HASIL DERMA DUA ORANG ANGGOTA MUDA PBB IAITU TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG PBB, WAN MADZIHI MAHZDAR DAN ENCIK BUSTARI YUSOF.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYERAHKAN PINGAT JASA BAKTI UNTUK TOKOH PBB KEPADA DATUK PATINGGI TAIB SEBELUM MELAWAT IBU PEJABAT BARU YANG MENGANDUNGI BILIK KOMPUTER, BILIK PERSIDANGAN, DEWAN BESAR DAN BILIK PENTADBIRAN.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DIIRINGI OLEH DATUK PATINGGI TAIB DAN DATIN PATINGGI LAILA MENGUNJUNGI YANG DI-PERTUA NEGERI DATUK PATINGGI HAJI AHMAD ZAIDI ADDRUCE MOHAMED NOOR DI DEWAN SANTAPAN BANGUNAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DI PETRA JAYA. -- BERNAMA.

1234MST 11 04 86